



**SESI TAKLIMAT PEMBAHAGIAN TUGAS DAN GERAK KERJA
BAGI PERMOHONAN REMOTE PILOT TRAINING
ORGANIZATION (RPTO)**

Muka Surat 12



**MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK
INSTUN 2026-2030 DAN PENERBITAN INSTUN
TAHUN 2026**

Muka Surat 34



ISSN 2600-853X



**MENARIK
DI DALAM**

SESI
TEMUDUGA
PERSONEL
MySTEP
Muka Surat 39

MAJLIS
AMANAT
YBM NRES
Muka Surat 43



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR
UKP BPP
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2026 bagi bulan Januari telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Januari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



SYURA SEKSYEN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (SPK) PADA 6 JANUARI 2026 DI INSTUN

TARIKH : 6 Januari 2026

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Perbincangan Pentauliah Mentee Bagi Program Pementoran BPPT Tahun 2025 ini merupakan suatu sesi di mana kesemua mentee yang telah membentangkan tajuk masing-masing pada tahun 2025 akan dinilai sama ada lulus atau sebaliknya.

Markah-markah yang telah diberikan oleh panel penilai semasa sesi pembentangan akan dibincangkan semula bagi mendapatkan keputusan muktamad pada sesi ini. Sesi ini disertai juga oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Encik Zulhasmi bin Mohamad bagi melancarkan urusan pentauliah mentee.



KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PEMBANGUNAN TANAH DIBAWAH KTN (TLE02/26)

TARIKH : 13 – 15 Januari 2026

TEMPAT : INSTUN.


RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 51 orang dari pelbagai Kementerian/ Jabatan. Objektif kursus ini meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek Pembangunan Tanah

Penceramah Instun

1. Zahar Bin Sapar
2. Abnorhady Bin Abu Bakar
3. Noranizawaty Bt Yusof

Penceramah jemputan

1. Ts. Dr. Siti Norhidayah Abdullah
2. TPr. Zamirzan Bin Puji



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN LATIHAN BILANGAN 1 TAHUN 2026 DAN MESYUARAT PENGURUSAN BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH BILANGAN 1 TAHUN 2026

TARIKH : 16 Januari 2026

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Pengurusan Latihan dan Pengurusan Bahagian Pengurusan Dan Perundangan Tanah Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan di INSTUN dengan dipengerusikan oleh Ketua Bahagian yang baharu, Encik Jacob Raju A/L Jayadurai.

Mesyuarat sulung bagi tahun ini memfokuskan kepada penetapan sasaran kerja tahunan dan pengenalan hala tuju pengurusan di bawah kepimpinan baharu. Encik Jacob Raju juga menekankan kepentingan komunikasi sepanjang menjalankan tugas, proses urusan i-payment serta tindakan yang wajar diambil berkaitan program mentor mentee dan Perhimpunan Bulanan INSTUN yang bakal dianjurkan oleh BPPT.



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH - MODUL IV: BILANGAN 1 (MODUL SELAIN KANUN TANAH NEGARA) (TP01/26)

TARIKH : 19 - 22 Januari 2026

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 13 orang terdiri daripada pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Tanah Dan Galian /Pejabat Daerah Dan Tanah. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Tanah di bawah Perlembagaan Persekutuan
- Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957
- Akta Pengambilan Tanah 1960 (Pra, Proses dan Pasca Pengambilan serta Prinsip Penilaian)
- Akta Hakmilik Strata 1985
- Akta Pengurusan Strata 2013
- Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
- Integriti dalam Pentadbiran Tanah
- Kelestarian Pembangunan Tanah
- Pembentangan Tugas Kumpulan



KURSUS PEMAHAMAN MODUL CASE REVIEW (ULASAN KES) ANJURAN JKPTG

TARIKH : 19 Januari 2026

TEMPAT : Wisma Petra, Putrajaya

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Pemahaman Modul Case Review (Ulasan Kes) yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pada 19 Januari 2026 dibahagi kepada empat slot iaitu :


Slot 1 : Hierarki Mahkamah di Malaysia dan Konsep Doktrin Duluan
(Puan Hajah Mazni)

Slot 2 : Ciri-ciri Alasan Penghakiman (Puan Hajah Mazni)

Slot 3 : Ciri-ciri Sorotan Kes-Kes Mahkamah Case Reviews I, II & III
(Tuan Haji Abdul Aziz)

Slot 4 : Latih Amal - Group Discussion (Tuan Haji Abdul Aziz)

Kursus tersebut telah disertai oleh lima warga BPPT iaitu Dr. Azrihisyam bin Jambut, Encik Abdul Malek bin Abdullah, Encik Azman bin Mad Dali, Encik Mohd Zoolhalmy bin Razali dan Encik Mohd Azlan bin Abdul Rahman




KURSUS DALAM TALIAN: HAKMILIK TAMAT TEMPOH? BERTINDAK SEKARANG! (TKE01/26)

TARIKH : 20 Januari 2026.

TEMPAT : INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 72 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan aspek pelupusan tanah. Penceramah dalam Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Encik Zahar bin Sapar.



JEMPUTAN SESI TEMUBUAL BERSAMA KETUA PENGARAH JKPTG PERSEKUTUAN: KAJIAN KES SEMANTAN ESTATE SDN. BHD

TARIKH : 20 Januari 2026

TEMPAT : Ibu Pejabat JKPTG, Putrajaya.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Temubual Bersama Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bagi Pelaksanaan Kajian Kes: Pertikaian Hak Milik Tanah: Kajian Kes Semantan Estate Sdn. Bhd. Lawan Kerajaan Malaysia pada 20 Januari 2026 bertempat di Ibu Pejabat JKPTG, Putrajaya.

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai proses pengambilan tanah di Semantan Estate Sdn. Bhd. termasuk pematuhan prosedur yang selaras dengan undang-undang tanah negara, nilai pampasan yang diberikan serta impak sosial dan ekonomi terhadap pihak berkepentingan. Sesi temubual ini dihadiri oleh Encik Nasrul Izani Bin Ramli Dan Encik Mohd Shukri Bin Hamzah.



KURSUS DALAM TALIAN: PELUPUSAN TANAH DI BAWAH KTN (TLE01/26)

TARIKH : 20 - 22 Januari 2026

TEMPAT : INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 63 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam Tatacara Pelupusan Tanah. Isi kandungan :

- Kuasa Pelupusan pada Pihak Berkuasa Negeri
- Pemberimilikan
- Perizaban dan Pajakan Tanah Rizab
- Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
- Permit Bahan Batuan (4C), Permit Bahan Batuan dan LPS disatukan (4B) dan Permit Ruang Udara (4D)
- Pelupusan Tanah Bawah Tanah (Stratum)
- Pelanjutan Tempoh Pegangan Berstatus Hakmilik Pajakan Negeri dan Pajakan Mukim
- Laporan Tanah dan Surihan
- Permintaan Ukur (PU)



PROGRAM PERKONGSIAN ILMU BIL.1/2026 BPPT SECARA DALAM TALIAN

TARIKH : 29 Januari 2026

TEMPAT : Dalam Talian.

RINGKASAN PROGRAM : Program Perkongsian Ilmu BPPT merupakan salah satu aktiviti pemantapan ilmu pengetahuan tenaga penceramah BPPT INSTUN. Tajuk perkongsian ilmu pada Siri yang pertama ini adalah Garis Panduan Unsur Nadir Bumi (*Rare Earth Element – REE*) dan telah disampaikan oleh penceramah jemputan P.Geol. Mahat bin Hj Sibon dari Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Perak (JMG Perak). Perkongsian pada kali ini telah dihadiri seramai 23 orang pegawai dan kakitangan BPPT INSTUN.



LAWATAN TAPAK BPPT KE INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDBKL)

TARIKH : 30 Januari 2026

TEMPAT : Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDBKL).

RINGKASAN PROGRAM: Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) melalui Seksyen Pembangunan Profesional, telah berjaya melaksanakan lawatan tapak ke Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDBKL) pada 30 Januari 2026. Lawatan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membuat penilaian kesesuaian penganjuran Seminar Pentadbiran Tanah, Majlis Penyampaian Sijil Kursus LAC dan peluang pelaksanaan pelbagai program di lokasi tersebut.

Antara aspek yang dititikberatkan adalah akses ke lokasi (jumlah kenderaan pada waktu puncak), keluasan dewan dan kemudahan dewan, kos perbelanjaan, kemudahan penginapan bagi peserta dan urusetia dan pelbagai aspek lain yang berkaitan. Lawatan ini telah disertai seramai 4 orang pegawai BPPT INSTUN dan telah diraikan oleh 2 pegawai bertanggungjawab dari IDBKL.



SESI KOPI O TEH TARIK PENGARAH INSTUN BERSAMA WARGA KERJA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP)

TARIKH : 6 Januari 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Kopi O Teh Tarik Pengarah INSTUN bersama warga kerja Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) telah diadakan pada 6 Januari 2026. Program ini merupakan agenda tetap Pengarah INSTUN pada setiap awal tahun bagi menyampaikan amanat beliau kepada warga INSTUN sebelum memulakan tugas bagi tahun semasa.



SESI TAKLIMAT PEMBAHAGIAN TUGAS DAN GERAK KERJA BAGI PERMOHONAN REMOTE PILOT TRAINING ORGANIZATION (RPTO)

TARIKH : 8 Januari 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi taklimat pembahagian tugas dan gerak kerja secara berkumpulan bagi permohonan Remote Pilot Training Organization (RPTO) telah berjalan dengan baik bagi memastikan setiap dokumen memenuhi keperluan dan piawaian ditetapkan.



TAKLIMAT i-PAYMENT – PEMBAYARAN KURSUS SECARA ATAS TALIAN

TARIKH : 12 Januari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Pemetaan (PKUP), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Satu sesi taklimat telah diadakan bagi memperkenalkan i-Payment, iaitu kemudahan pembayaran kursus secara online di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Melalui i-Payment, peserta kini boleh:

- Membuat bayaran kursus secara atas talian
- Proses lebih cepat & selamat
- Tanpa bayaran manual atau hantar resit

Inisiatif ini selari dengan usaha pendigitalan perkhidmatan dan penambahbaikan sistem pengurusan kursus INSTUN.



BENGKEL PEMANTAPAN REMOTE PILOT TRAINING ORGANIZATION (RPTO)

TARIKH : 16 Januari 2026.

TEMPAT : Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Bengkel Pemantapan Remote Pilote Training Organisation (RPTO) memfokuskan kepada pelaksanaan tugas yang telah diagihkan oleh kumpulan kerja, khususnya penyediaan dan penambahbaikan dokumen.



RAKAMAN BICARA UKUR “MENJEJAK HILAL DI UFUK SENJA”

TARIKH : 19 Januari 2026.

TEMPAT : Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Memandangkan pada tarikh tersebut merupakan fasa bulan baru di dalam kalender islam, Seksyen Geodetik, BUP telah mengambil kesempatan untuk melaksanakan rakaman bicara ukur dengan membuat cerapan pada waktu ijtimak sebenar.



SESI TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI TEKNOLOGI TERKINI (TECHNOLOGY UPDATE) ALAT GNSS

TARIKH : 20 Januari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Satu sesi taklimat dan demonstrasi berkenaan teknologi terkini alat pengukuran GNSS telah diadakan dan dihadiri oleh warga BUP yang berkelapangan.




KURSUS UPE01/26 - PEMROSESAN DATA LIDAR MENGGUNAKAN PERISIAN GLOBAL MAPPER

TARIKH : 20 Januari 2026.

TEMPAT : Secara Dalam Talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus UPE01/26 - Pemprosesan Data Lidar Menggunakan Perisian Global Mapper merupakan kursus secara dalam talian yang pertama untuk BUP pada tahun ini.



SESI PERBINCANGAN KURSUS SIDE SCAN SONAR UNTUK KERJA-KERJA TAPAK KAPAL KARAM BERSEJARAH DI TANJUNG TUAN, MELAKA BERSAMA SEKSYEN GEODETIK, INSTUN

TARIKH : 21 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bahagian Arkeologi (BA), Jabatan Warisan Negara (JWN) bercadang untuk mengadakan Kursus Side Scan Sonar untuk Kerja-Kerja Tapak Kapal Karam Bersejarah di Tanjung Tuan, Melaka bersama pihak INSTUN.

Justeru perbincangan ini bertujuan untuk penyelarasan bersama berkenaan perkara-perkara seperti, lokasi tempat latihan, penginapan peserta, pengangkutan peserta serta modul latihan yang akan dipelajari sepanjang kursus ini.



KURSUS UGE02/26 - PENGENALAN GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS)

TARIKH : 22 Januari 2026.

TEMPAT : Secara Dalam Talian.

RINGKASAN PROGRAM : UGE02/26 - Kursus Pengenalan Global Navigation Satellite System (GNSS) ini dihadiri seramai 57 orang peserta dari Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM). Penceramah dalaman yang terlibat dalam kursus ini adalah Sr Norfariza binti Zainal dan En. Mohamad Kusyairi bin Ariffin.



MESYUARAT PROGRAM KARNIVAL IHYA RAMADAN DAN MAJLIS RUKHYAH HILAL RAMADAN 1447H

TARIKH : 27 Januari 2026.

TEMPAT : Baitul Hilal, Segari, Perak D.R

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ustaz Mohamad Faizal bin Jani iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam dan Ketua Unit Takwim di Jabatan Mufti Negeri Perak. Beberapa wakil daripada agensi, jabatan dan syarikat perseorangan telah dijemput bagi membincangkan hala tuju program serta persediaan dalam memastikan kesempurnaan program yang julung kali akan dibuat sempena cerapan anak bulan Ramadan 1447H.





KURSUS UGEO1/26 : PENGENALAN KEPADA UKUR KEJURUTERAAN

TARIKH : 27 Januari 2026.

TEMPAT : Secara Dalam Talian.

RINGKASAN PROGRAM: Kursus Pengenalan Kepada Ukur Kejuruteraan telah berjaya dilaksanakan pada 27 Januari 2026 secara dalam talian. Kursus ini dihadiri seramai 59 orang peserta dari Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM).

Penceramah dalaman yang terlibat dalam kursus ini adalah Sr Norfariza binti Zainal dan En. Mohd Kusyairi bin Ariffin.



PERBINCANGAN PENGANJURAN SEMINAR BIDANG UKUR DAN PEMETAAN 2026

TARIKH : 28 Januari 2026.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Perbincangan awal telah dijalankan bagi merangka penganjuran seminar bidang ukur dan pemetaan tahun 2026. Fokus diberikan kepada pengisian program, hala tuju seminar serta keperluan semasa bidang geospatial selari dengan teknologi terkini.



SESI LIBAT URUS SISTEM MYPROJEK - MODUL PERMOHONAN TAHUN 2026

TARIKH : 7 Januari 2026.

TEMPAT : Dewan Baiduri, Petra, Putrajaya.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi libat urus ini diadakan bagi memberi penerangan dan penjelasan berkaitan penggunaan Sistem MyProjek khususnya Modul Permohonan bagi Tahun 2026. Program ini bertujuan memastikan semua pegawai yang terlibat memahami tatacara permohonan projek, keperluan dokumentasi serta garis panduan yang ditetapkan bagi menjamin kelancaran proses permohonan dan kelulusan

Melalui sesi ini, peserta turut diberi peluang untuk mengemukakan pertanyaan, berkongsi isu pelaksanaan serta mendapatkan penjelasan secara langsung. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan kecekapan penyediaan permohonan projek, memperkemas penyelarasan data serta menyokong perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih teratur dan berimpak bagi tahun 2026.



SESI KOPI O TUAN PENGARAH BERSAMA WARGA KERJA BTM

TARIKH : 8 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat, Bahagian Teknologi Maklumat iNSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Kopi O ini merupakan pertemuan santai antara Tuan Pengarah bersama warga kerja Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi mengeratkan hubungan, memperkukuh komunikasi serta mewujudkan suasana kerja yang lebih terbuka dan harmoni.

Dalam sesi ini, Tuan Pengarah turut berkongsi amanat dan hala tuju semasa organisasi, di samping memberi ruang kepada warga BTM untuk menyuarakan pandangan, cabaran serta cadangan penambahbaikan. Pendekatan santai ini diharap dapat menyemarakkan semangat kerja berpasukan serta meningkatkan komitmen dalam mendukung agenda transformasi digital organisasi.



SESI PENGENALAN SISTEM REKOD STAF INSTUN (ISRS) BERSAMA PSM

TARIKH : 9 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat, Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi ini diadakan bagi memperkenalkan Sistem Rekod Staf INSTUN (ISRS) kepada warga Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) sebagai inisiatif memperkukuh pengurusan maklumat dan rekod perkhidmatan staf secara lebih sistematik dan bersepadu.

Melalui sesi ini, penerangan diberikan berkaitan fungsi utama sistem, kaedah pengemaskinian data serta tatacara penggunaan yang betul bagi memastikan ketepatan dan keselamatan maklumat. Inisiatif ini diharap dapat meningkatkan kecekapan pengurusan rekod, menyokong proses pentadbiran yang lebih cekap serta memperkasa agenda pendigitalan organisasi.




SESI TECHNOLOGY UPDATE PLATFORM PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM (MyGDX 2.0)

TARIKH : 13 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat, Bahagian Teknologi Maklumat iNSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Technology Update ini diadakan bagi memberi penerangan terkini mengenai Platform Perkongsian Data Sektor Awam (MyGDX 2.0), termasuk penambahbaikan fungsi, ciri baharu serta hala tuju pelaksanaannya. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman pegawai terhadap kepentingan integrasi dan perkongsian data antara agensi bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap, pantas dan bersepadu.

Melalui sesi ini, peserta turut didedahkan kepada aspek teknikal, keperluan pematuhan serta amalan terbaik dalam pengurusan dan keselamatan data. Inisiatif ini diharap dapat memperkukuh budaya perkongsian maklumat secara selamat dan strategik, selaras dengan agenda transformasi digital sektor awam.



MAJLIS AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM TAHUN 2026

TARIKH : 15 Januari 2026.

TEMPAT : Cyber Event Hall, Cyberjaya.

RINGKASAN PROGRAM : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menghadiri Majlis Amanat Yang Berhormat Menteri (YBM) Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup bertempat di Cyber Event Hall pada 15 Januari 2026. Majlis ini merupakan program khas sebagai platform bagi warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan/Agensi dibawahnya mendengar aspirasi dan amanat daripada Yang Berhormat Menteri NRES khususnya bersempena Tahun Baru 2026 selain melancarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 100 Hari YB Menteri NRES.





KLINIK PEMBANGUNAN LANDSCAPE MAP VIEW (LMV) PROJEK WOG BERSAMA PIHAK PMO BPPD, JDN BAGI JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)


TARIKH : 16 Januari 2026.

TEMPAT : Atas Talian.

RINGKASAN PROGRAM : Klinik Pembangunan ini diadakan sebagai sesi bimbingan dan penyelarasan teknikal berkaitan pembangunan Landscape Map View (LMV) bagi Projek Whole of Government (WOG). Program ini melibatkan kerjasama antara pihak PMO BPPD dan JDN bersama jabatan serta agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Sesi ini bertujuan memperincikan keperluan data, penyelarasan maklumat serta kaedah pemetaan dan visualisasi projek secara bersepadu bagi memastikan paparan landskap projek dapat dibangunkan dengan tepat, komprehensif dan selaras dengan standard yang ditetapkan. Peserta turut diberikan panduan teknikal, ruang perbincangan isu serta cadangan penambahbaikan bagi memperkemas pelaksanaan.

Melalui pelaksanaan klinik ini, diharapkan pembangunan LMV Projek WOG dapat menyokong pemantauan yang lebih efektif, meningkatkan ketelusan pelaporan serta memperkukuh perancangan strategik projek di peringkat kementerian dan agensi.



KURSUS DALAM TALIAN: PEMANTAPAN PRODUKTIVITI KERJA MENGUNAKAN APLIKASI ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) (TME01/26)

TARIKH : 28 Januari 2026


TEMPAT : Atas Talian.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2026 di bawah bidang Teknologi Maklumat. Kursus ini telah melibatkan seramai 43 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus yang diadakan secara dalam talian ini, memberi impak yang berkesan kepada peserta memandangkan peserta kekal bergiat aktif di dalam kelas dengan menghantar aktiviti-aktiviti secara dalam talian kepada penceramah kursus. Setiap aktiviti yang dijalankan, peserta memberi komitmen yang tinggi melalui penglibatan mereka. Para peserta berpuas hati dengan rangkaian sesi ceramah dan soal jawab kerana para peserta berpendapatan ia memberi kefahaman untuk mereka mengadaptasi keupayaan AI dalam produktiviti kerja peserta.

Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan dan meningkatkan produktiviti peserta melalui penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pelbagai aspek pekerjaan, isi kandungan bagi kursus ini adalah :

1. Pengenalan kepada kecerdasan buatan (ai)
2. Penggunaan kecerdasan buatan (ai) untuk reka bentuk grafik
3. Penggunaan kecerdasan buatan (ai) untuk penghasilan kandungan
4. Penggunaan kecerdasan buatan (ai) untuk penghasilan imej
5. Penggunaan kecerdasan buatan (ai) untuk penghasilan muzik
6. Penggunaan kecerdasan buatan (ai) untuk penghasilan suara berasaskan teks.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dalam Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN Ts. Dr. Vicneas a/l Muniady dan barisan Urus Setia dari serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



PROGRAM GALAKAN MEMBACA CUTI SEKOLAH @ PERPUSTAKAAN INSTUN (FUN@LIBRARY)

TARIKH : 8 Januari 2026.

TEMPAT : Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan telah melaksanakan Program Galakan Membaca Cuti Sekolah @ Perpustakaan INSTUN (Fun@Library) pada 8 Januari 2026. Penyertaan adalah dari kalangan anak-anak staf INSTUN dan telah mendapat sambutan yang sangat meriah. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Buru Kata di mana peserta perlu mencari perkataan terpilih dalam buku dan aktiviti gambaran kata di mana peserta diminta melukis gambar objek berdasarkan perkataan yang terpilih. Semoga dengan penganjuran aktiviti seperti ini akan menarik minat kanak-kanak ke perpustakaan dan memaksimumkan sepenuhnya perkhidmatan perpustakaan



PROGRAM JOM SIHAT INSTUN

TARIKH : Sepanjang bulan Januari 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program Jom Sihat bagi bulan Januari telah dilaksanakan pada 7, 14, 21, dan 28 Januari 2026. Program dimulakan pada jam 7.45 pagi dengan senaman ringkas, kemudian peserta boleh melaksanakan aktiviti sukan masing-masing seperti briswalk, berbasikal, bersenam di gimnasium, bermain badminton, tenis dan bola tampar. Penyertaan staf INSTUN dalam program ini sangat menggalakkan dimana terdapat pertambahan penyertaan dari masa ke semasa.



SESI KOPI O TEH TARIK PENGARAH INSTUN BERSAMA WARGA KERJA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2026

TARIKH : 12 Januari 2026.

TEMPAT : Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Kopi O Teh Tarik bersama Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim, telah diadakan bagi menyantuni warga kerja Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN. Pertemuan ini bertujuan membincangkan hala tuju strategik tahun 2026 dan mendengar aspirasi kakitangan secara santai. Dalam sesi tersebut, Tuan Pengarah menekankan kepentingan inovasi penyelidikan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa cemerlang dan relevan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENERBITAN INSTUN BILANGAN 1 TAHUN 2026

TARIKH : 22 Januari 2026.

TEMPAT : Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan INSTUN Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan pada 22 Januari 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, Wisma INSTUN. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim, dan dihadiri oleh wakil-wakil dari setiap bahagian.

Agenda utama mesyuarat memfokuskan kepada penyelarasan kandungan penerbitan bagi tahun 2026 serta memastikan setiap bahan ilmiah yang diterbitkan memenuhi kualiti dan standard yang ditetapkan oleh institut. Pengerusi menekankan supaya aktiviti penerbitan dipergiatkan sebagai medium penyebaran ilmu yang efektif selaras dengan matlamat strategik INSTUN.



MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK INSTUN 2026-2030 DAN PENERBITAN INSTUN TAHUN 2026

TARIKH : 26 Januari 2026.

TEMPAT : Auditorium INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Majlis Pelancaran Pelan Strategik INSTUN 2026-2030 dan Penerbitan INSTUN Tahun 2026 telah diadakan di Auditorium INSTUN sebagai mercu tanda hala tuju baharu institut untuk tempoh lima tahun akan datang. Gimik pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim, dengan diiringi oleh semua Ketua Bahagian serta Pendaftar INSTUN di dalam Perhimpunan Bulanan pertama.

Pelan Strategik ini berfungsi sebagai pelan tindakan jangka panjang yang menggariskan visi, misi, dan objektif utama institut bagi memastikan setiap gerak kerja organisasi adalah selaras dan fokus dalam mendepani cabaran masa hadapan. Pelancaran ini mencerminkan komitmen padu pengurusan tertinggi dalam memacu transformasi organisasi serta mendokumentasikan hasil penyelidikan berkualiti melalui penerbitan rasmi bagi rujukan Industri Tanah dan Ukur.



PENYAMPAIAN SIJIL PENCERAMAH INSTUN TAHUN 2025

TARIKH : 26 Januari 2026.

TEMPAT : Auditorium INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Penyampaian Sijil Penceramah INSTUN Tahun 2025 telah diadakan di dalam Perhimpunan Bulanan pertama bagi tahun 2026 bertempat di Auditorium, INSTUN. Majlis penghargaan ini disempurnakan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim, dengan diiringi oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Encik Zulhasmi bin Mohamad.

Pengiktirafan yang diberikan di hadapan seluruh warga kerja ini bertujuan menghargai sumbangan kepakaran para penceramah dalaman INSTUN sepanjang tahun lalu, sekali gus menyuntik motivasi untuk terus memacu kecemerlangan latihan dan perkongsian ilmu di institut bagi tahun 2026.



MESYUARAT PENGURUSAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BILANGAN 1 TAHUN 2026

TARIKH : 27 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Pengurusan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan di INSTUN dengan dipengerusikan oleh Ketua Bahagian yang baharu, Encik Zulhasmi bin Mohamad. Mesyuarat sulung bagi tahun ini memfokuskan kepada penetapan sasaran kerja tahunan, penyelarasan projek penyelidikan, serta pengenalan hala tuju pengurusan di bawah kepimpinan baharu.

Melalui platform ini, Encik Zulhasmi menekankan kepentingan kerjasama pasukan dan kecekapan tadbir urus bagi memastikan semua perancangan strategik bahagian dapat dilaksanakan dengan cemerlang sepanjang tahun 2026.



SESI PERBINCANGAN BERSAMA BAHAGIAN PENERBITAN (JURNAL) UPSI

TARIKH : 28 Januari 2026.

TEMPAT : UPSI.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi Perbincangan bersama Bahagian Penerbitan (Jurnal) UPSI telah diadakan pada 28 Januari 2026 bertempat di Bahagian Penerbitan, UPSI. Pertemuan ini dihadiri oleh wakil INSTUN yang diketuai oleh Ketua Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan bersama pihak pengurusan penerbitan UPSI.

Fokus utama perbincangan adalah untuk bertukar pandangan serta meneroka peluang kerjasama strategik, khususnya dalam memperkasakan kualiti pengurusan jurnal dan penerbitan ilmiah antara kedua-dua institusi. Sesi ini merupakan langkah proaktif dalam menyokong hasrat INSTUN untuk meningkatkan standard penerbitan tahun 2026 selaras dengan pelancaran Pelan Strategik yang baharu.



SESI KOPI O THE TARIK PENGARAH INSTUN BERSAMA BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

TARIKH : 6 Januari 2026.

TEMPAT : Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN berbesar hati memulakan sesi Tahun 2026 dengan mengadakan sesi Kopi O Teh Tarik Pengarah INSTUN bersama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Dalam sesi tersebut, Tuan Pengarah mengucapkan terima kasih untuk perkhidmatan yang telah dilaksanakan sepanjang

tahun 2025. Bagi tahun 2026, Tuan Pengarah menitip pesanan agar semua kakitangan melaksanakan tanggungjawab masing - masing dengan sebaiknya serta melakukan perubahan yang positif demi yang memberi nilai tambah kepada diri sendiri dan juga organisasi. Semoga Tahun 2026, warga BPK melangkah lebih maju seiring dengan perkembangan masa kini dan halatuju organisasi serta kementerian.



SESI TEMUDUGA PERSONEL MySTEP

TARIKH : 8 Januari 2026.

TEMPAT : Aras 4 & 6, Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program ini merupakan sesi temuduga yang dianjurkan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia bagi tujuan pemilihan calon Personel MySTEP untuk memenuhi keperluan perkhidmatan dan sokongan operasi organisasi. Sesi yang berlangsung di Aras 4 dan 6, Wisma INSTUN ini bertujuan menilai kompetensi, kemahiran, pengalaman serta kesesuaian calon dengan skop tugas yang ditawarkan.

Melalui pelaksanaan temuduga ini, diharapkan calon yang terpilih dapat menyumbang secara profesional dan berintegriti, seterusnya memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan serta kelancaran pengurusan organisasi.



SESI PENGENALAN SISTEM REKOD STAF INSTUN (ISRS) DARI BTM

TARIKH : 9 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Jed, BTM, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Sesi ini dianjurkan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi memperkenalkan Sistem Rekod Staf INSTUN (ISRS) kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat. Program yang berlangsung di Bilik Mesyuarat JED INSTUN ini bertujuan memberi pendedahan menyeluruh mengenai fungsi, tatacara penggunaan serta kelebihan sistem dalam pengurusan maklumat dan rekod staf secara lebih sistematik dan bersepadu.

Melalui sesi pengenalan ini, warga kerja dapat memahami kepentingan pendigitalan rekod, meningkatkan kecekapan pengurusan data serta memastikan maklumat staf sentiasa dikemas kini dengan tepat dan selamat, selaras dengan usaha memperkukuh tadbir urus dan transformasi digital organisasi.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) FASILITI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) BILANGAN 4 TAHUN 2025

TARIKH : 9 Januari 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Melati, Aras 6, Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Fasiliti Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) Bilangan 4 Tahun 2025 pada 09 Januari 2026.

Kekerapan mesyuarat ini adalah sebanyak empat kali setahun. Mesyuarat ini diadakan berpandukan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 untuk membincangkan Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset, Laporan Penyelenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih, Laporan Pemulihan/ Pemuliharaan/ Ubah Suai/ Naik Taraf (PPUN) Aset Tak Alih, Laporan Pelupusan Aset Tak Alih, Laporan Kehilangan dan Hapus Kira serta masalah/isu yang berkaitan dengan Aset Tak Alih (ATA).




MESYUARAT PENYELARASAN BILANGAN 1 DAN LAWATAN TAPAK BAGI PROJEK PENGGANTIAN SISTEM PERPAIPAN AIR BERSIH, SALURAN DAN LOJI KUMBAHAN DI INSTUN

TARIKH : 13 Januari 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Unit Khidmat Pengurusan, Seksyen Pentadbiran selaku pasukan projek telah menganjurkan Mesyuarat Penyelarasan Bilangan 1 dan Lawatan Tapak bagi projek Sistem Perpaipan Air Bersih, Saluran Kumbahan Dan Peralatan Loji Kumbahan Di INSTUN. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak, Lembaga Air Perak dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK). Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan skop, anggaran kos dan pelaksanaan projek.



MAJLIS AMANAT YBM NRES

TARIKH : 15 Januari 2026.

TEMPAT : Cyberjaya.

RINGKASAN PROGRAM : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menghadiri Majlis Amanat Yang Berhormat Menteri (YBM) Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup bertempat di Cyber Event Hall pada 15 Januari 2026. Majlis ini merupakan program khas sebagai platform bagi warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan/Agensi dibawahnya mendengar aspirasi dan amanat daripada Yang Berhormat Menteri NRES khususnya bersempena Tahun Baharu 2026 selain melancarkan Petujuk Prestasi Utama (KPI) 100 Hari YB Menteri NRES



PERJUMPAAN TUAN PENGARAH BERSAMA CadoT MUALLIM

TARIKH : 19 Januari 2026.

TEMPAT : Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Perjumpaan ini merupakan sesi interaksi dan perkongsian aspirasi antara Tuan Pengarah bersama warga CadoT Muallim bagi memperkukuh komunikasi, menyelaras hala tuju serta mempertingkatkan kefahaman terhadap peranan dan tanggungjawab organisasi. Sesi ini turut menjadi platform untuk menyampaikan amanat, berkongsi perancangan strategik semasa serta mendengar pandangan dan cadangan secara dua hala.

Melalui pertemuan ini, diharapkan wujud semangat kebersamaan, komitmen yang lebih padu serta iltizam bersama dalam memastikan setiap agenda dan pelaksanaan tugas dapat digerakkan secara lebih efektif dan berimpak tinggi.



LAWATAN TAPAK DAN PEMERIKSAAN PERIMETER PAGAR INSTUN

TARIKH : 20 Januari 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Keselamatan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya melaksanakan semakan perimeter di sekitar kawasan instun pada 20 Januari 2026 (Selasa) yang lepas. Secara keseluruhannya, program ini telah disertai seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada tiga (3) orang pegawai dari Jabatan Kerja Raya bahagian Muallim, enam (6) orang pegawai dari Jabatan Perhilitan Tapah, Perak, lapan (13) orang pegawai INSTUN yang meliputi pelbagai bahagian dan turut dibantu seramai tiga (6) orang urus setia daripada Seksyen Keselamatan.

Objektif program ini adalah untuk memantau serta melihat keadaan tanah dan pagar perimeter sekitar kawasan INSTUN serta melihat kawasan bagi projek kerja-kerja penstabilan tanah dan pembinaan pagar INSTUN yang telah diluluskan oleh kementerian ekonomi di bawah RP4 RMK-12.



PEMERIKSAAN KEFUNGSIAN DAN KESELAMATAN LIF WISMA INSTUN OLEH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA (JKKP-PERAK)

TARIKH : 22 Januari 2026

TEMPAT : Wisma INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Satu pemeriksaan kefungsiian dan keselamatan lif Wisma INSTUN telah dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP-Perak) bersama kontraktor berkala iaitu Asia Fuji Elevator Sdn Bhd. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan penggunaan lif penumpang dengan memastikan dan memeriksa panel kawalan lif, komponen besar dan kecil. Pihak JKKP akan mengeluarkan perakuan kelayakan jentera pengangkat jenis lif kepada semua lif INSTUN bagi tempoh 1 tahun.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (PBI) BILANGAN 1 TAHUN 2026

TARIKH : 26 Januari 2026.

TEMPAT : Auditorium INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Institut Tanah dan Ukur Negara membuka tirai program Tahun 2026 dengan penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan Institut Tanah dan Ukur Negara (PBI) Bilangan 1 Tahun 2026. Majlis anjuran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK) itu telah diadakan di Auditorium INSTUN. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Wan Nadirah Binti Wan Yaheya, Pendaftar INSTUN. Melalui perkongsian yang disampaikan, Puan Pendaftar menyentuh tentang keterbukaan sebagai penjawat awam merupakan asas kepada tadbir urus yang baik, merangkumi sikap terbuka dalam komunikasi, kesediaan menerima pandangan serta komitmen untuk bertindak secara telus dan bertanggungjawab.

Seterusnya, Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN turut berbesar hati untuk menyampaikan amanat beliau kepada seluruh warga. Beliau menyatakan bagi tahun 2026 ini, warga INSTUN harus bertindak cepat untuk tindakan pelaksanaan dan memperhebat reformasi selari dengan halatuju Kementerian.

Pada majlis tersebut, turut berlangsung Sesi Penyampaian Sijil kepada Penceramah Dalaman INSTUN Tahun 2025, Pelancaran Buku Penerbitan INSTUN Tahun 2025 serta Pelancaran Sistem i-FAMES. Majlis turut diserikan dengan Sorotan Aktiviti sepanjang Tahun 2025 dan Kejutan Sambutan Ulangtahun Kelahiran Kakitangan INSTUN. Semoga warga INSTUN terus melangkah ke hadapan dengan semangat positif, sikap profesional dan iltizam untuk memberi yang terbaik.

